

BIL.  
**07**



BERITA

# PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



**JULAI**  
2018

شوال - ذوالقعدة 1439 هـ



## *Jasamu Dikenang*

### **SESI CLOCK OUT TERAKHIR TUAN YANG DIPERTUA DAN SETIAUSAHA DI MPPG**



**MENARIK DI DALAM :**

**MAJLIS ANGKAT SUMPAH  
AHLI MAJLIS MPPG  
SESI 2018/2019**

**8,000 PESERTA MERIAHKAN  
HARI SARAPAN MALAYSIA  
MILO DI PASIR GUDANG**

**PERTUKARAN  
TUAN YANG DIPERTUA DAN  
SETIAUSAHA BAHARU**

**MENTERI BESAR JOHOR  
ADAKAN LAWATAN KERJA  
KE DAERAH JOHOR BAHRU**



# PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

**ALHAMDULILLAH, SYUKUR** kita ke hadirat Allah SWT kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berjumpa lagi pada bulan Julai di edisi Berita Pasir Gudang (BPG). Semoga kita sentiasa bersyukur dengan apa yang kita peroleh pada hari ini dan pada hari-hari yang akan datang.

Pertamanya, ingin saya ucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang dan kepercayaan menggalas tugas sebagai Yang Dipertua MPPG bermula 1 Julai 2018 oleh Kerajaan Negeri Johor. Dalam masa yang sama, MPPG juga telah menerima kehadiran setiausaha yang baharu, En. Sulaiman Ismail yang turut sama memulakan tugasnya serentak dengan Yang Dipertua MPPG mulai Julai 2018. Pertukaran dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) adalah perkara lumrah yang perlu dilalui oleh Pegawai Tadbir Negeri Johor (PTNJ) bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan terhadap perkhidmatan yang di berikan kepada penduduk setempat, sejajar dengan idea-idea baru yang boleh dicernakan melalui pertukaran ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada mantan Yang Dipertua, En. Hasrin Kamal bin Hashim dan Setiausaha, En. Saipol Rahman bin Hj Amat yang selama ini menerajui tampok pentadbiran dengan cukup cemerlang dan gemilang dalam segala aspek dan perkara. Saya juga memohon dan mengharapkan kerjasama dari seluruh pentadbiran dan warga kerja MPPG dalam menjalankan tugas yang diamanahkan dan mengekalkan pencapaian membanggakan yang dicapai oleh MPPG.

Pada bulan Julai ini, MPPG telah menerima kunjungan delegasi Menteri Besar Johor dalam sesi lawatan beliau ke daerah Johor Bahru. Dalam sesi lawatan kerja ini, Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Hj. Muhamad Ridha telah membentangkan laporan pembangunan di daerah Johor Bahru kepada Menteri Besar Johor, YAB Dato' Osman bin Sopian yang diadakan di pejabat MPPG, Menara Aqabah.

Sebagai PBT yang mensasarkan visi menjadikan Pasir Gudang sebuah bandar tersohor dan menjadi tarikan pelancongan, Pasir Gudang dilihat mampu menjadi daya tarikan tumpuan pelancong dengan mempromosikan produk pelancongan Pasir Gudang sendiri. Antaranya Santuari Sarang Buaya, Muzium Layang-Layang

dan kraft seramik Pasir Gudang. Justeru, MPPG telah menerima lawatan kerja dari Majlis Perbandaran Kemaman ke Santuari Sarang Buaya. Lawatan diketuai oleh Yang Dipertua MP Kemaman sendiri, Tuan Hj. Johan bin Ibrahim bagi mempelajari dengan lebih mendalam lagi pengurusan Sarang Buaya di Pasir Gudang.

Bulan ini juga menyaksikan Majlis Angkat Sumpah yang melibatkan 12 orang Ahli Majlis MPPG telah berlangsung di Dewan Cempaka, Menara Aqabah pada 18 Julai yang lalu. Pelantikan ini adalah bagi tempoh 15 Julai dan berakhir pada 31 Disember 2019. Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan kepimpinan Ahli Majlis MPPG yang dilantik. Semoga tugas sebagai Ahli Majlis dapat dilaksanakan dengan baik serta dapat digalas dengan penuh tanggungjawab atas dasar keperihatinan khusus kepada rakyat Pasir Gudang.

Kita masih berada di bulan Syawal yang masih diraikan dengan kesyukuran dan keriang. Justeru, MPPG dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MPPG menganjurkan Majlis Sambutan Aidilfitri dan Sambutan Hari Keluarga MPPG bertempat di Bayou Lagoon Melaka. Majlis turut meraikan bakal-bakal haji warga kerja MPPG serta meraikan dua orang warga kerja yang akan bersara pada bulan Julai ini. Hampir 300 warga kerja telah berkumpul bersama keluarga masing-masing meraikan majlis yang diadakan dalam suasana penuh meriah.

MPPG begitu komited dalam mengekalkan momentum pencapaian cemerlangnya apabila sekali lagi berjaya memperoleh emas dalam Pertandingan Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Wilayah Selatan. Sebanyak lima buah pasukan KIK telah bertanding bagi sesi kali ini. Bagi Pertandingan Peringkat Wilayah Timur, MPPG telah diwakili oleh pasukan *Top Stage*, dan An-Najwan manakala bagi Wilayah Selatan pula telah diwakili oleh pasukan *Croc Warrior*, *Sapphire* dan *Elite*. Kesemua 5 pasukan bertanding telah berjaya memperoleh emas bagi projek yang dipertandingkan. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada semua pasukan.

Aktiviti sukan tidak kurang rancaknya berlangsung di Pasir Gudang dalam bulan ini. Program Hari Sarapan Malaysia MILO telah berlangsung meriah di Dataran Pasir Gudang dengan penyertaan hampir 8,000 orang pengunjung termasuk peserta larian.



Program yang telah memasuki tahun ketiga penganjurannya ini bertujuan memupuk kesedaran terhadap pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat dan memberikan penekanan terhadap pemakanan yang seimbang yang membekalkan nutrisi penting bagi badan kita sepanjang hari. Semoga kempen ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

Saya menggesa supaya semua warga kerja MPPG terus komited menjalankan tugas dan tanggungjawab agar perkhidmatan yang cemerlang dapat dilaksanakan dan memberikan impak yang positif terhadap komuniti.

Akhir kata, saya mengharapkan komitmen dan kerjasama dari semua pihak keseluruhannya dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua. Semoga harapan menjadikan Pasir Gudang sebuah PBT yang tersohor berjaya dilaksanakan.

Sehingga kita menyambung tinta yang penuh barakah dan hikmah dalam keluaran bulan akan datang. Jumpa lagi.

Sekian,

**Tuan Haji Zainor bin Adani  
Yang Dipertua MPPG**

## AJK SIDANG REDAKSI 2018

### PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani  
Yang Dipertua MPPG

### KETUA EDITOR

Encik Sulaiman bin Ismail  
Setiausaha MPPG

### PENOLONG KETUA EDITOR

Puan Rahamah binti Mahmood  
Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat

### PENGARANG

Encik Nazarul bin Jaafar

### PEMBERITA

- Puan Nadztasha binti Mohd Puad

### JURUFOTO

- Encik Khairul Anuar bin Muhammad Sayut

Sebarang maklum balas atau pandangan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MPPG hubungi kami di talian **07-254 7777** atau hantar emel ke [mppg@johor.gov.my](mailto:mppg@johor.gov.my)

Diterbitkan oleh  
**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

## KANDUNGAN

3 Jasamu Dikenang. Sesi *Clock Out* Terakhir Tuan Yang Dipertua dan Setiausaha di MPPG.

4 Pertukaran Tuan Yang Dipertua dan Setiausaha Baharu.

5 Menteri Besar Johor Adakan Lawatan Kerja ke Daerah Johor Bahru.

6&7 Lensa Edisi Khas : Sambutan Hari Keluarga, Majlis Aidilfitri dan Mengenang Jasa Yang Dipertua dan Setiausaha.

8&9 Lensa MPPG Julai 2018.

10 Majlis Mengangkat Sumpah Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pasir Gudang Sesi 2018/ 2019.

11 Hari Keluarga Pereratkan Silaturahmi Warga MPPG.

12 Kumpulan KIK Konvensyen Peringkat Wilayah Beraksi Cemerlang Merah Emas.

13 8,000 Peserta Meriahkan Hari Sarapan Malaysia MILO di Pasir Gudang.

14 Larian Perpaduan 2018 Sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Daerah Johor Bahru 2018 Anjuran Pejabat Perpaduan Daerah Johor Bahru. Penduduk Pasir Gudang Giat Gotong-Royong Bersihkan Kawasan.

15 Yayasan Pasir Gudang.

16 Info Terkini : Lesen Perniagaan/ Perusahaan & Penjaja.



# Jasamu Dikenang

## SESI CLOCK OUT TERAKHIR TUAN YANG DIPERTUA DAN SETIAUSAHA DI MPPG



En Hasrin Kamal dan En Saipol Rahman melakukan 'Thumb Print' terakhir sebelum pulang.



Lambaian selamat tinggal oleh Tuan Yang Dipertua, En Hasrin Kamal Hashim dan Setiausaha, En Saipol Rahman Hj Amat pada hari terakhir berkhidmat di MPPG.



**SATU JULAI** yang lalu merupakan detik bersejarah buat seluruh warga kerja MPPG, apabila Yang Dipertua dan Setiausaha telah mendapat lantikan pertukaran tugas ke Jabatan Kerajaan lain. Pertukaran kedua-duanya telah dijalankan secara serentak, di mana menyaksikan juga MPPG menerima Yang Dipertua dan Setiausaha baharu bagi menggantikan tempat En. Hasrin Kamal bin Hashim selaku Yang Dipertua dan En. Saipol Rahman bin Hj. Amat selaku Setiausaha MPPG.

Yang Dipertua MPPG, En. Hasrin Kamal bin Hashim menyandang tugas sebagai Yang Dipertua bermula 3 Julai 2016, mempunyai karektor yang mudah disenangi dan mesra, membuatkan beliau amat disenangi pemimpin masyarakat, komuniti Pasir Gudang dan seluruh warga kerja MPPG. Sepanjang dua tahun menabur khidmat kepada Pasir Gudang, Pasir Gudang terus membangun dan sejahtera dengan pelbagai rancangan pembangunan dan perubahan yang diatur, antaranya

perubahan kawasan Tanah Perkuburan Islam Pasir Gudang yang dinaik taraf, pembinaan Pusat Transformasi Bandar (UTC), penambahan dewan serbaguna di Pasir Gudang bagi kemudahan orang awam, dan pelbagai lagi kemudahan yang dikecapi.

Dua tahun menggalas tugas sebagai Yang Dipertua MPPG, pastinya pelbagai cabaran dan halangan dalam memastikan MPPG berada pada peringkat pencapaian tertinggi adalah amat sukar. Antara pencapaian yang melonjakkan nama MPPG, merupakan PBT Negeri Johor yang pertama memperoleh sijil EKSA oleh pihak MAMPU, mengekalkan momentum Emas dalam setiap pertandingan konvensyen KIK yang disertai serta mampu melaksanakan dan menepati segala persijilan yang dipohon mahupun yang diperbaharui.

Setiausaha MPPG, En Saipol Rahman bin Hj Amat pula telah menabur bakti berkhidmat di MPPG selama hampir

lima tahun, pelbagai pencapaian, pembaharuan dan anjuran penyertaan program dan aktiviti telah dicapai oleh MPPG sepanjang beliau menggalas tugas sebagai seorang Setiausaha. Memulakan tugas di MPPG pada 3 Jun 2013 berakhir 30 Julai 2018, beliau dilihat sebagai seorang individu yang begitu sangat teliti, tegas dalam bekerja, namun amat baik hati dikalangan warga kerja MPPG. Selama lima tahun berkhidmat di MPPG, beliau merupakan individu yang sentiasa menyokong dan bersedia menggalas tanggungjawab di sebalik tiga orang Yang Dipertua sebelum ini.

MPPG pasti berasa kehilangan dua orang pemimpin yang begitu dekat di hati warga Pasir Gudang ini, terutama sekali dikalangan warga kerja MPPG sendiri. Didoakan semoga Tuan Yang Dipertua dan Setiausaha beroleh kejayaan dalam apa jua yang diceburi pada masa akan datang.



Penyerahan tugas dari En. Hasrin Kamal Hashim kepada Yang Dipertua MPPG baharu, Tn. Hj Zainor Adani.



## PERTUKARAN TUAN YANG DIPERTUA DAN TUAN SETIAUSAHA BAHARU

**MPPG** telah menerima kedatangan Tuan Yang Dipertua dan Setiausaha baharu bermula 1 Julai 2018. Tuan Haji Zainor bin Adani telah dilantik sebagai Yang Dipertua MPPG bagi menggantikan En. Hasrin Kamal bin Hashim, manakala En. Sulaiman bin Ismail telah dilantik sebagai Setiausaha bagi menggantikan En. Saipol Rahman bin Haji Amat. Sesi penyerahan tugas telah diadakan di Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah.

Tuan Hj. Zainor Adani berkhidmat sebagai Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Muar sebelum ditugaskan berpindah ke MPPG, manakala En. Sulaiman Ismail pula merupakan Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Johor sebelum ditempatkan sebagai Setiausaha di MPPG.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Tuan Yang Dipertua dan Setiausaha yang baru dilantik. Selamat bertugas diucapkan dari seluruh warga kerja Pasir Gudang.



Tuan Hj. Zainor Adani menandatangani akur janji tugas Yang Dipertua MPPG.





## MENTERI BESAR JOHOR ADAKAN LAWATAN KERJA KE DAERAH JOHOR BAHRU



Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Hj. Muhamad Ridha menyampaikan cenderahati kepada Menteri Besar Johor, YAB Dato' Haji Osman bin Sopian sempena lawatan rasmi Menteri Besar Johor ke daerah Johor Bahru.



Bergambar kenangan selepas sesi taklimat bersama Menteri Besar Johor, YAB Dato' Hj, Osman bin Sopian.

**MENTERI BESAR JOHOR**, YAB Dato' Haji Osman bin Sopian telah mengadakan lawatan rasmi ke daerah Johor Bahru pada 22 Julai yang lalu. Sehubungan dengan itu, satu taklimat khas mengenai pembangunan daerah Johor Bahru telah diadakan di Dewan Cempaka Aras 20, Menara Aqabah yang disampaikan oleh Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Hj. Muhamad Ridha Dato' Abd. Kadir.

Hadir sama mengikuti lawatan kerja tersebut ialah YB Dato' Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Dato' A. Rahim Hj Nin, Pegawai Kewangan Negeri Johor, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Johor dan Barisan Exco Kerajaan Negeri juga turut serta dalam sesi lawatan ini.

Seterusnya, rombongan Menteri Besar diberi taklimat mengenai perkembangan semasa dan status terkini pembangunan yang sedang berlaku di daerah Johor Bahru oleh Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Hj. Muhamad Ridha Dato' Abd Kadir.

Pelbagai perkembangan terkini, pembangunan di daerah Johor Bahru yang meliputi sosial, budaya, pentadbiran, pembangunan infrastruktur, ekonomi, keusahawanan dan banyak lagi telah diberikan penerangan yang terperinci yang melibatkan tiga PBT di daerah Johor Bahru iaitu MPPG, MBJB dan MBIP.

Program berakhir dengan sesi penyampaian cenderamata dan sesi bergambar bersama YAB Menteri Besar Johor.





# SAMBUTAN HARI KELUARGA MPPG, MAJLIS AIDILFITRI DAN MENGENANG JASA YANG DIPERTUA DAN SETIUSAHA



Yang Dipertua dan Setiausaha yang diraikan dalam majlis ini.







Suasana meriah di Majlis Sambutan Hari Keluarga MPPG bersama keluarga masing-masing.







## LAWATAN PEGAWAI DAERAH JOHOR BAHRU KE PASIR GUDANG



Pegawai Daerah Johor Bahru, Y.Bhg. Tn. Hj. Muhamad Ridha Dato' Hj. Abd Kadir bersama-sama tuan Setiausaha MPPG melawat tapak pembinaan sekolah Agama Taman Bukit Dahlia.

## MAJLIS SAMBUTAN HARI ULANGTAHUN TUAN SETIAUSAHA



Tuan Hj Mohammed Ridha Dato' Hj. Abd. Kadir turut melawat mangsa banjir dan menyampaikan sumbangan di Balairaya Kampung Pasir Putih.

## KARNIVAL SEPAKAN PENALTI PIALA PENGARAH PENDIDIKAN JOHOR SEMENA HARI GURU



Semua pemenang bergambar bersama selepas sesi penyampaian hadiah.

## MAJLIS PERSARAAN WARGA KERJA MPPG



En. Sairin Sahilan membuat 'clock out' kali terakhir berkhidmat di MPPG sambil disaksikan oleh Tuan Yang Dipertua dan Setiausaha MPPG.



En. Abdul Wahab Husin membuat 'clock out' kali terakhir berkhidmat di MPPG sambil disaksikan oleh Tuan Setiausaha MPPG dan Tuan Hj. Adnan bin Abd. Gahni.



## LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN KE SARANG BUAYA



Setiausaha MPPG bergambar bersama delegasi dari Majlis Perbandaran Kemaman, yang diketuai oleh Yang Dipertua MP Kemaman, Tuan Hj. Johan bin Ibrahim selepas sesi lawatan.

## LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH



Puan Mariaton Ibrahim menerima cenderahati daripada Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim, Tuan Haji Saiful Anwar bin Azmi.



Bergambar selepas sesi taklimat dan lawatan berakhir.

## CLOCK OUT TERAKHIR TUAN SETIAUSAHA DAN TUAN YANG DIPERTUA MPPG



'Thumb print' terakhir oleh Tuan Yang Dipertua dan Setiausaha pada hari terakhir berkhidmat di MPPG.



Lambaian selamat tinggal oleh En Hasrin Kamal Hashim dan En. Saipol Rahman Hj Amat pada hari terakhir berkhidmat di MPPG.



# MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG SESI 2018/2019



Barisan 12 orang Ahli Majlis MPPG yang bakal menjalankan tugas-tugas rasmi sebagai Ahli Majlis di Pasir Gudang bermula Julai 2018.

**FASA PERTAMA** Pelantikan Ahli Majlis bagi tempoh 15 Julai 2018 sehingga 31 Disember 2019 telah diadakan pada 18 Julai 2018 yang lalu bertempat di Menara Aqabah Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Seramai 12 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua MPPG. Senarai Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pasir Gudang yang dilantik adalah sebagaimana berikut :



Sesi angkat sumpah yang diadakan di Dewan Cempaka Aras 20, MPPG.

BIL	NAMA	JAWATAN DALAM PARTI
1	 Encik Mohd Rahim bin Amatermin	Ketua Penerangan Parti Pribumi Bersatu (Tebrau/ Kg. Pasir Putih)
2	 Tuan Haji Sabarudin bin Haji Burahan	AJK Bahagian Parti Pribumi Bersatu (Tebrau/ Tmn. Pasir Putih)
3	 Encik Farhan bin Abu Hassan Shaari	Ketua Pemuda, Bahagian Parti Pribumi Bersatu (Tebrau/ Tmn. Pasir Putih)
4	 Encik Lim Kerk Wei	Ahli PKR (Tebrau)
5	 Tuan Haji Abdul Halim bin Mohamad Dawam	Ketua Cabang PKR (Pasir Gudang)
6	 Encik Mohd Noor bin Daud	Ahli Amanah (Pasir Gudang)

BIL	NAMA	JAWATAN DALAM PARTI
7	 Encik Mohd Nasir bin Mohd Yunos	Ketua Cawangan Amanah (Tebrau)
8	 Tuan Haji Huzir bin Lip	Ahli Amanah (Pasir Gudang)
9	 Encik Sow Kok Ann	Bendahari DAP (Taman Molek)
10	 Cik Jessica Oh	Ahli DAP (Johor Jaya)
11	 Encik Ku Chee Chen	Bendahari Cawangan Plentong DAP (Plentong)
12	 Encik Rajendiran A/L Subramaniam	Naib Pengerusi Cabang PKR (Pasir Gudang)

Antara tugas dan peranan seorang Ahli Majlis ialah bertindak sebagai Wakil Rakyat, menjadi penasihat kepada Majlis, merupakan sebahagian daripada sistem pentadbiran PBT, meluluskan Undang-Undang Kecil, bertindak sebagai Penggubal dan Pendukung Dasar Majlis, serta penyemak pelaksanaan dasar dan juga sebagai tenaga penggerak masyarakat.

Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan kepimpinan Ahli Majlis MPPG yang dilantik. Semoga tugas ini dapat digalas dengan penuh tanggungjawab dan atas dasar keperihatinan khusus kepada rakyat Pasir Gudang.





*Yang Dipertua dan setiausaha bergambar kenangan bersama ahli jawatankuasa KSK MPPG, Anulae dan pegawai-pegawai selepas majlis berakhir.*

## HARI KELUARGA PERERATKAN SILATURRAHIM MPPG

**MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG (MPPG)** dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan MPPG (KSK) telah berbesar hati untuk merayakan semua warga kerjanya dalam satu majlis yang penuh gemilang bertempat di Bayou Lagoon Melaka, pada penghujung Jun lalu sempena sambutan Hari Keluarga MPPG yang dihadiri hampir 1,100 warga bersama ahli keluarga masing-masing.

Dalam masa yang sama juga, Tuan Yang Dipertua, En. Hasrin Kamal Hashim dan Setiausaha, En. Saipol Rahman turut diraikan sempena pertukaran perkhidmatan selaku Pegawai Tadbir Negeri Johor (PTNJ) ke tempat baru. Pengurusan MPPG dan KSK juga tidak lupa bagi merayakan warga kerja MPPG yang akan menunaikan fardhu haji tidak lama lagi, iaitu En. Nurdin Jusoh dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan En. Fauzi bin Nyamin dari Jabatan Penguatkuasaan. Tidak terkecuali Yang Dipertua En. Hasrin Kamal Hashim bersama isteri dan En. Sharif Idros, warga kerja yang dipinjamkan ke PBT Pengerang juga akan menunaikan fardhu haji. Bagi warga kerja

MPPG yang telah menabur bakti dan jasa perkhidmatannya selama 36 tahun, En. Abdul Wahab bin Hj. Husin dan En. Sairin Sahilan yang telah cecal berkhidmat 23 tahun juga diraikan sebagai tanda penghargaan dan jasa atas komitmen mereka berkhidmat di MPPG. Jasa mereka akan terus dikenang.

Majlis yang diadakan ini juga adalah sebagai tanda kasih dan penghargaan terhadap warga kerjanya yang telah menunjukkan komitmen dan perkhidmatan tanpa berbelah-bagi kepada MPPG. Majlis turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik. Antaranya sukaneka kanak-kanak yang disertai oleh anak-anak warga kerja. Selain itu, tetamu juga dihiburkan dengan persembahan nyanyian artis jemputan dan turut berpeluang mendapatkan cabutan bertuah di akhir majlis.

Syabas kepada semua warga MPPG di atas perkhidmatan yang telah diberikan selama ini. Semoga program seperti ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memperkukuhkan jalinan ukhwah di kalangan warga kerja dan keluarga.



### **SAIRIN BIN SAHILAN**

Dilahirkan di Pontian Johor pada 23 Julai 1958. Kerjaya pertama beliau bertugas sebagai pembantu luar dengan Agensi Felcra (Lembaga Pemuliharaan Dan Penyatuan Tanah Negara) di Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Seterusnya berkhidmat dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) sebagai pembantu penguatkuasa sementara melalui Sistem Saraan Baru (SSB) mulai 17 Julai 1995.

Melalui kelulusan waran perjawatan oleh jabatan perkhidmatan awam, beliau telah diberi pelantikan tetap sebagai Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 berkuatkuasa pada 1 Julai 2008 dengan mengambil kira perkhidmatan lepas sementara mulai tahun 1995 hingga sekarang.

Selain daripada tugas kerja hakiki dalam bidang penguatkuasaan, beliau turut aktif di dalam bidang kemasyarakatan seperti jawatankuasa Badan Perumahan Bakti 2, majlis-majlis keagamaan, pertubuhan-pertubuhan NGO seperti menjadi ahli Pagema, anggota rela, pemadam dan lain-lain. Beliau juga aktif didalam menyertai pertandingan sesuatu projek Kumpulan Mutu Kerja (KMK), Cempaka Dan Hari Kualiti (KIK) serta kerap terlibat dengan pertandingan perbarisan sempena Hari Kemerdekaan Malaysia dan perarakan-perakaran yang lain. Kerajinan dan amanah beliau turut dihargai oleh Majlis Perbandaran Pasir Gudang melalui pemberian anugerah perkhidmatan cemerlang pada tahun 2007 dan 2017 seterusnya sijil penghargaan pada tahun 2004, 2006 dan 2008. Beliau turut dijadikan sebagai tempat rujukan pertanyaan selain disenangi rakan sekerja.

23 Julai 2018 merupakan genap usia beliau 60 tahun yang menjadikan tempoh 23 tahun jumlah perkhidmatan beliau sebagai penjawat awam. Sumbangan dan tenaga beliau ini akan sentiasa dikenang. Majlis Perbandaran Pasir Gudang mengucapkan selamat bersara dan selamat maju jaya buat Encik Sairin bin Sahilan.



### **ABDUL WAHAB BIN HAJI HUSIN**

Dilahirkan pada 1 Ogos 1962 di Kampong Changkat Petai, Tapah Road Perak Darul Ridzuan. Berhijrah ke negeri Johor Darul Takzim dan mendapat pekerjaan sebagai seorang pelayan pejabat gred D28 itulah kerjaya pertama beliau dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor mulai 15.08.1982. Pada 1 Januari 1987, beliau telah dilantik ke jawatan sebagai pegawai kerani gred N7 menguruskan hal-hal perjawatan, perkhidmatan, pengurusan inventori dan pernah bertugas di Jabatan Perkhidmatan Teknik Naziran serta Jabatan Pengurusan Projek.

Di Majlis Perbandaran Pasir Gudang ini beliau telah memberikan perkhidmatan yang terbaik di beberapa jabatan. Antaranya di jabatan pentadbiran Kewangan, Jabatan Pengurusan Kontrak Ukur Bahan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan sekarang sedang berkhidmat di Jabatan Khidmat Pengurusan. Beliau seorang yang disegani, tidak kedekut ilmu, pengalaman beliau di dalam bidang pengurusan pentadbiran terutamanya turut dikongsi dengan rakan sekerja dan sahabat handai.

Beliau juga turut aktif di pelbagai program-program rasmi MPPG dan kemasyarakatan yang lain. Perkhidmatan cemerlang beliau disanjung melalui pemberian penganugerahan anugerah perkhidmatan cemerlang pada tahun 2017 dan sijil penghargaan pada tahun 2011.

Sebagai orang lama yang berpengalaman luas di agensi-agensi seperti di PKENJ, IPPJ, PBTPG dan kini MPPG beliau telah memilih opsi persaraan awal pilihan sendiri di usia 56 tahun. Jumlah perkhidmatan beliau adalah 36 tahun dan tarikh persaraan awal beliau adalah pada 1 Ogos 2018 tidak lama lagi. Tahniah dan selamat maju jaya buat Encik Abdul Wahab bin Haji Husin.



# KUMPULAN KIK KONVENSYEN PERINGKAT WILAYAH

## BERAKSI CEMERLANG MERAH EMAS



**MPPG MENERUSKAN KECEMERLANGAN** dalam menyertai konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah apabila berjaya meraih emas. Sebanyak 5 pasukan telah bertanding bagi sesi kali ini. Peringkat Wilayah Timur telah diadakan di Bukit Gambang Resort Kuantan Pahang pada 4 dan 5 Julai, manakala sesi Wilayah Selatan pula telah diadakan di Holiday Villa Johor Bahru pada 10 dan 11 Julai yang lalu.

Berikut merupakan senarai kumpulan MPPG yang menyertai KIK Konvensyen bagi sesi kali ini.

### Wilayah Timur Di Bukit Gambang Resort Kuantan

BIL	KUMPULAN	JABATAN	NAMA PROJEK	PENCAPAIAN
1.	Top Stage	Kawalan Bangunan	EZBSD - Sejenis alat yang boleh mengukur ketebalan dinding.	EMAS
2.	An-Najwan	Teknologi Maklumat	Sistem Pendaftaran Pelawat - Kesukaran menyediakan laporan pergerakan keluar masuk pelawat di pejabat MPPG.	EMAS

### Wilayah Timur Di Holiday Villa Johor Bahru

BIL	KUMPULAN	JABATAN	NAMA PROJEK	PENCAPAIAN
1.	Croc Warrior	Pembangunan Masyarakat	Sistem Pengecaman Buaya	EMAS
2.	Sapphire	Penilaian & Pengurusan Harta	SAPPHIRE Z - Alat mengesan kerosakan tandas milik MPPG	EMAS
3.	Elite	Penguatkuasaan	SMART JACK - Alat yang memudahkan menunda kenderaan buruk tanpa tayar	EMAS

Tahniah dan syabas kepada pasukan yang memperoleh emas dalam sesi konvensyen kali ini. Semoga usaha dan pencapaian ini dapat dikekalkan dan memberi inspirasi kepada pasukan-pasukan lain di masa akan datang.



*Kumpulan Croc Warrior bersedia sebelum membuat pembentangan.*



*Kumpulan Elite dari Jabatan Penguatkuasaan bergambar bersama hadiah kemenangan.*





# 8,000 PESERTA MERIAHKAN HARI SARAPAN MALAYSIA MILO DI PASIR GUDANG



Antara peserta yang memenuhi garisan permulaan bagi memulakan larian sejauh tiga kilometer.

**8,000 ORANG PESERTA** dari seluruh Pasir Gudang, Johor Bahru dan kawasan sekitarnya telah berkumpul di Dataran Pasir Gudang Johor bagi menyertai Hari Sarapan Malaysia MILO tahun ini. Program yang bermula seawal jam 7.00 pagi dengan sesi memanaskan badan sebelum larian dimulakan sejauh tiga kilometer. Seterusnya Tuan Setiausaha MPPG, En. Sulaiman Ismail telah membuat pelepasan larian yang disertai oleh 4,500 pelari yang telah membuat pendaftaran larian. Manakala ribuan pengunjung yang tidak ikut serta berlari, telah memenuhi setiap inci dataran Pasir Gudang bagi memeriahkan dan menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh penganjur.

Terdapat lebih sepuluh acara menarik yang disediakan oleh penganjur untuk disertai oleh peserta dan keluarga, antaranya ; persembahan *parkour*, pertandingan futsal 3 vs 3, aktiviti kuiz, acara sukaneka kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan percuma, nasihat pemakanan seimbang dan pelbagai lagi. Selain acara larian, para peserta juga dibekalkan dengan sarapan pagi percuma yang sihat dan seimbang dari Milo Nestle.

Program yang telah memasuki tahun ketiga penganjurannya ini bertujuan memupuk kesedaran terhadap pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat dan memberikan penekanan terhadap pemakanan yang seimbang serta membekalkan nutrisi penting bagi badan kita sepanjang hari. Hari Sarapan MILO ini juga merupakan larian amal yang telah mendapat kerjasama *Food Aid Foundation*, sebuah NGO tidak berasaskan keuntungan bagi membekalkan sarapan pagi kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik dalam komuniti. Bagi jualan setiap tiket acara larian ini, RM5.00 akan disalurkan kepada penajaan sarapan bagi keluarga bernasib baik di kesemua tujuh lokasi kempen ini diseluruh Malaysia.

Adalah diharapkan kempen ini dapat melahirkan penduduk yang sihat dan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



Tuan Setiausaha bersama Pengurus Jenama Kanan, Unit Perniagaan MILO Nestle Malaysia Berhad, Pn. Nurainan Tajuddin selesai merasmikan 'flag off' larian.





# LARIAN PERPADUAN 2018

## SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU 2018 ANJURAN PEJABAT PERPADUAN DAERAH JOHOR BAHRU

**PEJABAT PERPADUAN DAERAH JOHOR BAHRU** dengan kerjasama KRT Alpinia Taman Scientex dan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga Zon Pasir Gudang telah menganjurkan program Larian Perpaduan 2018 sempena Sambutan Minggu Perpaduan peringkat daerah Johor Bahru 2018. Pelbagai acara telah diadakan antaranya aerobik, sumbangan asnaf, cabutan bertuah selain dari acara penyampaian acara kemuncak larian. Jarak larian 5.5km tidak menjadi halangan apabila penyertaan larian mendapat sambutan lebih 550 orang dari penduduk Pasir Gudang dan Johor Bahru.

Majlis pelepasan peserta telah disempurnakan oleh En Sulaiman bin Ismail, Setiausaha Majlis Perbandaran Pasir Gudang sebagai wakil rasmi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang diiringi Cik Dayangku Kamalia binti Awangku Sulhi, Timbalan Pengarah Perpaduan Johor. Manakala majlis penyampaian hadiah telah berlangsung jam 9.15 pagi dan disempurnakan oleh Pn Safidah binti Abd Samah, Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor..

Berikut adalah senarai pemenang:

### KATEGORI LELAKI TERBUKA

Johan	Haiqal Farhan	RM 200.00 + Medial
Naib Johan	Mohd Rahimi bin Abu	RM 150.00 + Medial
Ketiga	Ashwin a/l Boopathy	RM 100.00 + Medial
Keempat	Muhamad Taufik bin Adam	Hamper
Kelima	Syafiq Affandy bin Ahmad Rosdi	Hamper
Keenam	Muhamad Saifulnizam bin	Hamper
Ketujuh	Boopathy a/l Ramasamy	Hamper
Kelapan	Mohd Fitrey bin Abdullah	Hamper
Kesembilan	Mohd Nor Azfar bin Noor Azman	Hamper
Kesepuluh	Jeffry Lee	Hamper

### KATEGORI WANITA TERBUKA

Johan	Grace Poon	RM 200.00 + Medial
Naib Johan	Nurain binti Amin	RM 150.00 + Medial
Ketiga	Wong Rui Ming	RM 100.00 + Medial
Keempat	Patricia Sin Dan	Hamper
Kelima	Jovita Sin Dan	Hamper
Keenam	Syareena binti Ali	Hamper
Ketujuh	Nusian binti Mohd Hanafiah	Hamper
Kelapan	Nurul Shahidah binti Hassan	Hamper
Kesembilan	Aminah Suhailah binti Zulkefli	Hamper
Kesepuluh	Noorizah binti Ali	Hamper



*Peserta larian perpaduan sedang bersiap sedia sebelum memulakan larian.*



*Setiausaha MPPG, En Sulaiman Ismail membuat pelepasan larian kepada semua peserta.*

## PENDUDUK PASIR GUDANG GIAT GOTONG-ROYONG BERSIHKAN KAWASAN



*Penduduk sedang giat menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan perumahan masing-masing.*



*Program Kitar Semula yang dijalankan di Menara Aqabah MPPG.*



*Program EM Mudball yang dijalankan.*

**JABATAN KESIHATAN AWAM** di bawah MPPG begitu komited dan serius dalam menjaga dan mengawal tahap kebersihan di Pasir Gudang. Maka bagi mengekalkan persekitaran yang kondusif, selesa dan bersih, pelbagai program kebersihan telah dijalankan. Antaranya Operasi Pembersihan Sampah Pukul Dan Sampah Haram Bagi Program Mencegah Denggi di kawasan Jalan Kenari Taman Scientex, Program EM MudBall yang dijalankan di Sekolah Menengah Sungai Tiram, Program EM MudBall yang dijalankan di Kilang Mewaholeo, Perawatan Sungai Masai Menggunakan Em Mudball dan juga program kitar semula yang dijalankan secara bulanan di Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Ini adalah bagi memastikan segenap pelusuk kawasan samada taman-taman perumahan, perkedaian, taman awam, kawasan kilang dan lain-lain lagi berada di tahap kebersihan yang baik, supaya tahap kebersihan secara fizikal, udara dan air sentiasa berada di bawah paras yang dibenarkan mengikut indeks pencemaran alam sekitar.



**YAYASAN PASIR GUDANG (YPG)** telah ditubuhkan pada 03 Oktober 2013 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin selaku pengasas merangkap Pengerusi YPG berniat mewujudkan sebuah yayasan bagi menggalakkan syarikat-syarikat industri terutamanya di sekitar kawasan Perindustrian Pasir Gudang yang berminat untuk sama-sama melaksanakan tanggungjawab korporat sosial (CSR) dengan menyumbang dana dari sebahagian keuntungan syarikat masing-masing ke satu badan yang berdaftar. Pejabat operasi YPG terletak di Aras 2, Menara Aqabah Majlis Perbandaran Pasir Gudang. YPG juga berfungsi untuk mengumpulkan dana sumbangan untuk menampung kos bantuan dan pengurusan, bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menyalurkan bantuan kepada golongan sasaran, mengendalikan program atau acara yang dianjurkan Kementerian, menguruskan permohonan bantuan serta aduan kemiskinan, dan membanci serta membuat semakan golongan miskin atau kurang berkemampuan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Objektif utama penubuhan YPG ini adalah bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan golongan miskin dan golongan kelainan upaya disebabkan masalah tua, kesihatan, kurang bernasib baik, uzur, kemiskinan atau status ibu tunggal dan anak yatim. Selain itu, YPG juga menyediakan bantuan berupa wang tunai dan lain-lain bentuk bantuan kepada mangsa banjir, kebakaran dan bencana alam serta membantu individu-individu yang memerlukan keperluan khusus (golongan istimewa). YPG juga menyediakan kos rawatan perubatan dan ubatan kepada mereka yang memerlukan rawatan berpanjangan serta menyediakan bantuan persekolahan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan. Membantu individu-individu yang memerlukan latihan kemahiran dalam usaha menceburi bidang perniagaan supaya mereka dapat berdikari juga menjadi objektif untuk membasmi atau mengurangkan kadar kemiskinan.

Kriteria bantuan akan ditakrifkan mengikut kategori dan pendapatan manakala jenis bantuan diklasifikasikan mengikut keperluan dan kesesuaian. Nilai bantuan ditentukan dengan skala yang setimpal bergantung kepada jenis bantuan yang akan diberikan. Antara kumpulan sasaran adalah golongan miskin, orang kelainan upaya, pelajar-pelajar sekolah, pesakit-pesakit kronik tidak berkemampuan, individu atau keluarga ditimpa bencana, ibu tunggal kurang berkemampuan dan masyarakat orang asli.

YPG telah menjalankan beberapa program yang berbentuk kemasyarakatan, keusahawanan, program pendidikan dan program sumbangan sempena perayaan. Semua program ini dilaksanakan dan menfokuskan kepada mereka yang layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak YPG. Program sumbangan atau bantuan kemasyarakatan adalah fokus utama YPG. Antara program yang telah dijalankan adalah Program *Free Market* Dan *health screening*, program ini bertujuan untuk memberikan pendidikan dan pemeriksaan kesihatan secara percuma disamping memberi barang keperluan asas secara percuma kepada penduduk setempat. Selain itu, program *My Kasih* telah dilaksanakan untuk membantu golongan kurang berkemampuan, program ini bertujuan untuk membantu golongan kurang berkemampuan dengan setiap penerima mendapat RM 80.00 yang akan dimasukkan ke dalam kad pengenalan mereka kemudian boleh berbelanja barang keperluan asas di pasaraya yang telah dipilih. Selain itu, YPG turut menganjurkan Program Tukar Minyak Hitam Percuma dan Program Gunting Rambut Percuma di kawasan yang telah ditetapkan.



Program pendidikan juga menjadi keutamaan YPG. Antara program pendidikan yang telah dilaksanakan ialah Pusat Tuisyen Komuniti Percuma YPG, Program Kecemerlangan Akademik (UPSR PT3 SPM), Bengkel Teknik menjawab STPM, Anugerah Cemerlang SPM, Program *E-Learning*, Program bantuan Permulaan Kemasukan IPTA/IPTS, Program bantuan *Back to School*, dan bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah. Bantuan atau sumbangan berbentuk pendidikan ni mensasarkan golongan kurang berkemampuan dan B40. Selain itu, program pembangunan masyarakat orang asli juga dilaksanakan dengan kerjasama beberapa agensi lain untuk memberi pendedahan dan pembelajaran kepada masyarakat orang asli.

YPG juga fokus kepada bantuan atau sumbangan berbentuk keusahawanan. YPG dengan kerjasama agensi-agensi lain, bekerjasama melaksanakan beberapa program seperti pembuatan roti, kek, pastri dan lain-lain. Selain itu, pihak YPG dengan kerjasama jawatankuasa penduduk telah melaksanakan program penanaman cili fertigasi dan penanaman cendawan. Peserta-peserta program tersebut dipilih di kalangan mereka yang kurang berkemampuan, ibu tunggal yang kurang berkemampuan serta golongan belia yang berminat untuk bersama-sama untuk menyertai program ini. Program ini dapat memberi pendidikan dan pengalaman bagaimana mahu memulakan perniagaan untuk menjadi usahawan. Selain itu, YPG juga telah menganjurkan Bazar Mega Raya sepanjang bulan ramadhan. Bazar Mega Raya ini memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil untuk berniaga semasa bulan ramadhan.

Sumbangan perayaan adalah program yang akan dilaksanakan pada setiap tahun. Beberapa jenis perayaan menjadi keutamaan untuk diberikan sumbangan. Antara sumbangan perayaan yang dilaksanakan ialah sumbangan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Perayaan Deepavali, Hari Gawai dan sambutan Hari Krismas. Setiap sumbangan perayaan yang dijalankan akan fokus kepada semua kaum, ini bermakna setiap sumbangan perayaan akan diterima semua kaum termasuk dari Sabah dan Sarawak. Selain itu, sumbangan ramadhan jugak dilaksanakan untuk membantu golongan yang memerlukan bersama-sama menyambut bulan ramadhan.

Selaras dengan fungsi YPG, banyak program-program sumbangan dan bantuan yang telah dilaksanakan bermula dari awal penubuhannya sehingga kini khususnya kepada masyarakat di kawasan Pasir Gudang.





# INFO TERKINI

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

## LESEN PERNIAGAAN/ PERUSAHAAN & PENJAJA

### NOTIS PEMBERITAHUAN

#### PERUBAHAN HAD TEMPOH PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN/ PERUSAHAAN.

Kepada Pemilik Lesen Perniagaan/ Perusahaan;

- ▶ Sila perbaharui Lesen Perniagaan/ Perusahaan dan Iklan Pelesenan bagi tahun 2019 bermula pada **2 September sehingga 30 November 2018**.
- ▶ Pembaharuan lesen pada tempoh selepas 30 November sehingga 31 Disember 2018 boleh dikenakan **penalti sebanyak tidak melebihi 1 kali kadar bayaran lesen**.
- ▶ Lesen selepas 31 Disember 2018 dianggap terbatal dan perlu membuat permohonan baru.

Sebarang pertanyaan hubungi, **07-254 7777 : Cik Izani/ Pn Emma**  
Bahagian Pelesenan, Aras 15, Menara Aqabah.

#### PENGECUALIAN BAYARAN LESEN PENJAJA

- ▶ Pengecualian bayaran lesen penjaja akan mula dilaksanakan mulai 1 September 2018.
- ▶ Semua penjaja wajib membuat permohonan untuk mendapatkan kelulusan lesen.
- ▶ Pengecualian ini hanyalah keatas bayaran lesen sahaja manakala lain-lain bayaran berkaitan adalah dikekalkan.
- ▶ Semua penjaja masih wajib mematuhi syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh MPPG.
- ▶ Pematuhan kepada peruntukan akta dan undang-undang lain yang berkaitan.

PENGECUALIAN	TIDAK DIKECUALIKAN
Pasar Malam Pasar Sehari/ Pagi Penjaja Bergerak Penjaja Statik	<b>A. PENJAJA STATIK</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kiosk dipremis berlesen</li> <li>• Gerai/premis kerajaan/premis PBT</li> <li>• Pasar Awam</li> <li>• Pasar Persendirian</li> <li>• Pasar Borong</li> </ul>
	<b>B. PENJAJA SEMENTARA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bazar/ Bazar Perayaan</li> <li>• Penjaja buah-buahan bermusim</li> <li>• Penjaja makanan bermusim (lemang/ kuih bulan dsb)</li> </ul>

Sebarang pertanyaan hubungi, **07-254 7777 : Cik Intan**  
Bahagian Pelesenan, Aras 15, Menara Aqabah.

### SALURAN ADUAN / COMPLAINTS CHANNEL / 投诉管道 / புகார்கள்சேனல் MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



Telefon/ Telephone  
电话 / தொலைபேசி

**07-254 7777**



Faks/ Fax  
传真 / பேக்ஸ்

**07-251 5260**



Emel/ Email  
邮址 / மின்னஞ்சல்

**mppg@johor.gov.my**



Skuad Tinjau

**013-377 1710**



UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI / FOR NEWS AND INFORMATION LOG ON TO

相关新闻与资讯请浏览 / செய்திமற்றும் தகவல்புகுபதிக்க

[www.mppg.gov.my](http://www.mppg.gov.my) &



Yang DiPertua MPPG